

ANALISIS PENZAHIRAN SISTEM NILAI DALAM PERUNTUKAN MANUSKRIP QANUN PAHANG

Asma Hakimah binti Ab Halim
Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia
hakimah@ukm.edu.my

Abdul Halim bin Muhammad
Pengerusi Al Bairuni Resources
abhalim45@yahoo.com

Abstrak

Sistem nilai merupakan aspek yang penting dalam memandu sesebuah masyarakat tentang piawai apakah yang baik dan buruk untuk diikuti. Sistem nilai terbentuk berdasarkan latarbelakang pendidikan, agama dan budaya yang memandu ke arah pilihan amalan seseorang dalam sesebuah masyarakat. Sistem nilai ini turut dikenalpasti dalam peruntukan undang-undang terdahulu seperti Manuskrip Qanun Pahang. Manuskrip Qanun Pahang mempunyai banyak aspek yang menarik untuk dikaji. Kajian ini memfokuskan Qanun Pahang pada akhir abad ke 16M iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah (1592M-1614M). Kajian dibuat secara perbandingan dan tahkik dengan beberapa manuskrip yang terdapat di Perpustakaan Negara serta Perpustakaan di SOAS, London. Dalam membuat analisis terhadap Manuskrip ini, selain melihat ketepatan penggunaan istilah yang digunakan, hasil tahkik in juga mengenalpasti sejauhmanakah sistem nilai yang terzhahir dalam peruntukan perundangan ini secara jelas. Analisis ini adalah signifikan dalam menentukan tujuan serta maqasid peruntukan perundangan itu dibuat, sekaligus memahami latar budaya masyarakat dalam membentuk perundangan serta melaksanakan undang-undang tersebut. Kajian Manuskrip ini menunjukkan bahawa sistem nilai ini boleh dizahirkan melalui peruntukan khusus dalam perundangan. Sistem nilai yang tertulis dalam peruntukan manuskrip ini adalah nilai yang berasaskan Islam seperti nilai ketuhanan, nilai kesetiaan, kepatuhan kepada pemerintah, integriti serta memelihara tujuan syara'. Penulis mencadangkan agar peruntukan undang-undang kini juga turut digarap tentang aspek nilai ini dan dizahirkan dalam peruntukan perundangan agar tujuan pelaksanaan sesuatu perundangan itu mampu dihargai dan dihayati oleh pemerintah serta rakyat.

Kata kunci: Sistem nilai, Peruntukan, Qanun Pahang

Pengenalan

Sistem nilai yang terzhahir dalam sistem perundangan menunjukkan latarbelakang agama, budaya serta tahap keilmuan yang dimiliki oleh sesuatu generasi. Dalam konteks masyarakat Melayu, sistem nilai ini boleh dikaji dalam dokumen-dokumen yang relevan dan boleh mengenalpasti tentang amalan dan budaya dalam sesebuah masyarakat. Dokumen yang dikaji adalah manuskrip Qanun. Manuskrip Qanun ini merupakan satu bidang kajian yang penting untuk mengetahui latar belakang masyarakat, pengaruh budaya dan agama melalui peruntukan yang dizahirkan dalam dokumen perundangan tersebut. Perbincangan kertas kerja ini dibahagikan kepada pendefinisian umum tentang nilai dan manuskrip qanun, nilai-nilai yang dikenalpasti dalam manuskrip qanun serta penfokusan tentang nilai dan tujuan syara' dalam manuskrip qanun serta kesimpulan.

Nilai dan Manuskrip Qanun

Dari sudut bahasa, Kamus Persuratan Melayu menyifatkan istilah nilai sebagai sifat ketinggian (pemikiran, agama, kemasyarakatan, dll).¹ Kamus Cambridge mendefinisikan nilai sebagai:

“the beliefs people have, especially about what is right and wrong and what is most important in life, that control their behaviour”² (Cambridge, 2017)

Luqmanul Hakim membuat kenyataan yang menarik tentang nilai apabila beliau menyimpulkan seperti berikut:

“Nilai merupakan sesuatu yang diyakini kebenarannya dan dianut serta dijadikan sebagai acuan dasar individu dan masyarakat dalam menentukan sesuatu yang dipandang baik, benar, bernilai maupun berharga. Nilai merupakan bagian dari keperibadian individu yang berpengaruh terhadap pemilihan cara maupun tujuan tindakan dari beberapa alternative serta mengarahkan kepada tingkah laku dan kepuasan dalam kehidupan sehari-hari. Nilai merupakan daya pendorong dalam hidup, yang memberi makna dan pengabsahan pada tindakan seseorang. Oleh kerana itu, nilai dalam setiap individu dapat mewarnai keperibadian kelompok atau keperibadian bangsa.” (Luqman Hakim, 2012)

Aspek nilai ini terdapat dan dizahirkan secara jelas dalam manuskrip bagi memberi kejelasan terhadap pihak pemerintah mahupun rakyat dalam memahami tujuan sesuatu perundangan. Kehalusan penerapan sistem nilai dalam mansukrip perundangan ini sangatlah dikagumi kerana, aspek ini dititikberatkan dan menggambarkan sistem yang perlu disantuni bagi mencapai keseimbangan dan kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat.

¹ <http://prpm.dbp.gov.my/> (accessed 2hb Ogos 2017)

² <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/value> (accessed 2hb Ogos 2017)

Dalam perspektif perundangan Islam, sistem nilai adalah berpandukan maqasid syariah, iaitu tujuan syara' yang ingin dicapai. Kerana itu, dalam perundangan Islam, aspek pemeliharaan terhadap agama, harta, jiwa, nasab dan akal adalah menjadi satu penerapan dalam perundangan. Aspek penzahiran nilai ini akan dianalisis dalam Manuskrip Qanun Pahang sebagai salah satu manuskrip yang menjadi rujukan perundangan pada suatu masa dahulu. Manuskrip Qanun merujuk kepada manuskrip undang-undang yang ada pada sesuatu zaman. Dalam manuskrip Qanun Pahang diungkapkan maksud Qanun ini: "Inilah hukum Qanun namanya. Adapun arti Qanun itu hukum negeri yang besar-besar pada zaman dahulukala turun temurun datang sekarang itulah Qanun namanya."³

Dalam konteks kajian ini, manuskrip yang digunapakai adalah Manuskrip Qanun yang menjadi sumber perundangan di Alam Melayu. Istilah lain yang turut digunakan oleh pengkaji adalah Undang-undang Melayu Lama.⁴ Antara Manuskrip Qanun yang biasa menjadi fokus kajian penyelidikan meliputi Hukum Qanun Melaka, Hukum Qanun Pahang, Undang-undang Johor, Undang-undang Inderagiri, Undang-undang Melayu Lama, Undang-undang, Riau, Undang-undang Palembang dan Undang-undang Terengganu (Itqan al-Muluk bi ta'dil al-suluk) serta beberapa jenis manuskrip mengikut bidang khusus seperti ketatanegaraan yang terdapat dalam Safinatul Hukkam dan lain-lain. Namun, untuk tujuan kertas kerja ini, Manuskrip Qanun Pahang dijadikan fokus sebagaimana yang telah dinyatakan di peringkat awal penulisan.

Sistem nilai dalam peruntukan manuskrip

Peruntukan-peruntukan dalam Manuskrip Qanun hakikatnya cukup menarik untuk dibaca kerana di dalamnya mengandungi susunan ayat yang indah. Peruntukan yang terdapat dalam Manuskrip banyak berupa perkara yang menyentuh realiti hidup manusia, yang sifat undang-undangnya seperti punya kecenderungan ke arah mendidik dan mengajar dengan hikmah. Peringatan yang diberi pula adalah sangat relevan mengikut konteks masyarakat serta sasaran yang yang ditujukan.

Oleh yang demikian, beberapa peruntukan dikenalpasti bagi menganalisis sejauhmanakah peruntukan yang berunsur integrasi dengan nilai syara' seperti aspek ketuhanan dan kehambaan, tanggungjawab sebagai khalifah serta ketulusan dizahirkan dalam peruntukan Qanun ini.

³ Yaakub Isa (2003) Hukum Kanun Pahang (Lembaga Muzium Negeri Pahang) Ab Halim & Asma Hakimah, Kanun Pahang Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghafar, Mahyuddin Shah (1592-1614) belum terbit.

⁴ Abu Hassan b. Mohd. Sham, Undang-undang Melayu Lama. Thesis untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sastra (M.A.) di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1972 (tidak diterbitkan) m.s. 32-37

Sejauhmanakah peruntukan seumpama ini diterapkan dengan harmoni dalam peruntukan undang-undang agar dapat dihayati oleh pemerintah dan rakyat.

Nilai mulia sebagai hamba yang bersyukur dan memelihara agama

Ungkapan ini dimulakan dalam Manuskrip menunjukkan tujuan syariah dalam memelihara agama dengan berpandukan firman Allah serta RasulNya dan mengucapkan syukur atas panduan serta hidayah yang telah Allah berikan.

“Adapun kemudian dari itu telah mengucap syukur akuakan kurnianya yang telah lalu dan yang lagi akan datang bahawa dijadikannya kiranya aku daripada umat kekasihnya dan umat penghulu segala RasulNya yang ditingkatkannya ia membawa segala firmanNya dan MuhkammataNya segala syariat Nabi yang dahulu itu dengan berbuat adil serta melakukan amar bil ma’ruf dan nahi ‘an munkar, maka jadi teranglah alam ini dengan cahaya agamaNya, sejahtera atasnya dan atas segala keluarganya dan segala sahabatnya dan segala umatnya.”

Nilai kebaikan dan keadilan dalam memelihara harta

Penerapan nilai kebaikan dan keadilan dalam aspek perniagaan yang mana menekankan keperluan untuk menjalankan perniagaan yang halal serta larangan makan riba. Ini adalah selari dengan tujuan syara’ dalam penjagaan harta.

Peri menyatakan syarat di dalam perniagaan bab *al-Taghrib kasb al-halal wa al-tarhib ala kasb al-haram*. Ini bab yang menyatakan yang menggemari pencarian yang halal dan melakukan atas pencarian yang haram “.....” Yakni halalkan Allah Taala berniaga dan haramkan Allah Taala makan riba iaitu ganda berganda... (Manuskrip Qanun Pahang)

Peruntukan tersebut secara jelas adalah berdasarkan dalil pengharaman riba yang difirmankan oleh Allah swt dalam Surah Al-Baqarah: 275 dan Surah Al-Imran:130

“...Padahal Allah telah menghalalkan menjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba...” – Al-Baqarah: 275

” Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya. – Al’Imran: 130

Dalam memelihara tujuan syara’ ini, hukuman bagi mereka yang mengambil harta serta hak orang lain turut diperuntukkan secara jelas dalam Qanun seperti berikut:

“Fasal yang kesebelas pada menyatakan hukum orang mencuri. Maka adapun jikalau laki-laki dalam kampung maka orang yang empunya kampung itu jika dibunuhnya atau diturunnya jauhnya antara dua kampung maka dibunuhnya tiadalah salahnya yang membunuh itu. Adapun jika kemudian dari itu maka si pencuri itu tiadalah dapat dibunuh lagi melainkan hukum jua dan jika ia mencuri dalam rumah dipotong hukum jua dan jika banyak tempatnya mencuri itu naik kerumah itu seorang jua yang lain itu tiada, maka seorang itu dipotong yang lain itu kena ta’zir.

Adapun ta’zir itu naik kerbau balar dibubuh bunga raya dan berpayung tudung saji maka di coreng mukanya maka dibawa berkeliling negeri maka jikalau dimakannya habis, tuannya ganti itu.

Jika ia merdahika masuk ulur kepada yang empunya harta. Adapun orang mencuri tanaman itu seperti tebu, pisang atau nyur, atau buah-buahan maka sekalian itu tiada dipotong, tetapi jikalau malam maka ditikam oleh yang empunya tanaman itu tiada lagi salahnya maka jikalau tahu ia pada siang hari didenda sepuluh

emas dan arta yang dibawanya itu digantung pada lehernya dibawa berkeliling negeri. Jika⁵ habis dimakan buah-buahan itu diganti didendanya sepuluh emas. Dan jika mencuri perahu jika didapat oleh tuannya, pada adatnya disewakan lagi diganti perahu itu dengan sewanya sekali maka dihukumkan sepuluh emas salahnya mencuri perahu itu. Demikianlah hukumnya [segala orang mencuri perahu itu.]

Adapun jika mencuri kerbau atau lembu atau ayam atau itik jikalau ada ia dalam kandang dicurinya maka didendanya setahil sepaha (seperti) mengganti kerbau itu dengan harganya. Dan jika mencuri kambing (dibawah) rumahnya maka tahu kemudiannya didapat oleh hakim harganya kambing itu setelah sudah maka didendanya sepuluh emas. Dan jika mencuri ayam atau itik maka dipinta harganya itu dahulu kemudian didendanya lima emas, dan ada ia abdi tuannya memberi ganti. Maka pada hukum Allah orang mencuri kerbau dan kambing itu jika dalam kandang dipuntung hukumnya atau dibunuh. Dan jika luar kandang sekadar memberi harganya juga tiadalah didendanya lagi. Maka jika ia abdi tuannya memberi harganya juga [tiadalah didendanya lagi tuannya memberi ganti] itulah akan hukumnya. Itulah hukum Allah, atas hukum: Itulah hukumkan segala manusia pada negeri atau dusun atau anak sungai.”⁵

Begitulah peruntukan tentang hukum mencuri. Peruntukan ini merangkumi hukuman had serta ta'zir bergantung kepada jenis jenayah yang dilakukan.

Peruntukan tentang nilai kepimpinan Islami yang perlu dalam diri seorang pemimpin atau

Raja

“Syahadan maka dijadikannya pula antara segala [makhluknya itu raja seperti] firmanNya yang Maha Tinggi]" "اراض خليفة" "artinya behawasanya] aku hendak menjadikan dalam bumi gantiku khalifah, raja pada menyelenggarakan ehwal pada segala hambanya ialah mengawal dia. Jikalau tiada raja-raja nescaya tiada bertentu ehwal segala rakyat, maka jadi mereka itu seperti kambing [tiada bergembala] maka dimakan orang yang keras akan yang dhaif seperti beit farisi " حوث دوونيكيت انديك بانكشري " artinya "pada orang yang budiman yang raja dan nabi itu umpama dua buah permata pada suatu cincin". Dan setelah nyatalah bahawa raja itu pada martabat nabi maka saigialah ia mengikut fi'il segala nabi pada menyelenggarakan segala umatnya. Maka diperbuatnya oleh raja itu segala pegawainya, akan dindingnya dan tiang kerajaannya. Maka diserahkan segala pekerjaannya masing-masing pada tanggungannya supaya dapatlah ia istirehat atas kerajaannya. Sebermula dijadikan oleh raja-raja itu Mangkubumi dan menteri. Maka diserahkanlah segala hukum dan istiadat tertib kerajaannya dan ehwal segala negerinya adalah menentukan dia dan dijadikannya pula Penghulu Bendahari. Maka diserahkanlah perentahnya dan menyuruh daftar segala hambanya dan mengira-ngirai dia segala hasil yang naik kepadanya dan memerintah segala pekerjaan yang dalam pagar istana ialah menentukan dia segala pekerjaannya itu. " – Manuskrip Qanun Pahang

Diberi kiasan tentang peranan raja dan Jemaah menteri dalam sebuah kerajaan. Bagaimana pentingnya peranan seorang pemerintah dan pembesar dalam memainkan peranan sebagai khalifah Allah di muka bumi. Setiap satu memainkan peranan masing-masing sesuai dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka.

Peruntukan tentang nilai tauhid, akhlak dan kesetiaan yang perlu ada dalam diri setiap pemerintah/pembesar.

“Maka adapun Mangkubumi dan [segala menteri itu hendaklah ia mengamalkan tujuh syarat; pertama syukur akan kurnia Allah Ta'ala, kedua didahulukannya kebaktian akan Allah s.w.t daripada rajanya, ketiga hendaklah sentiasa cita-citanya menyempurnakan pekerjaan rajanya dengan perbuatan yang adil] dan disegerakannya segala hukum hamba Allah yang mengadakan hal kepadanya, keempat hendaklah jangan

⁵ Lampiran Manuskrip Qanun Pahang.

bersalahan barang suatu pekerjaan itu dengan kehendak rajanya dan jangan alpa ia akan barang yang dititahkan rajanya itu kepadanya serta berhadap hatinya dan segala anggotanya pada mengerjakan titah raja itu, kelima redha ia daripada perangai orang yang mulia, tiada akan didengarnya riwayat segala nabi yang dahulu itu dicuba Allah akan dia dengan beberapa kesakitannya dan bala, maka adalah ia sabar atas segala bala dan kesakitan yang datang kepadanya. Sebab itulah maka ditinggikan Allah mertabatnya dan dipermuliannya ia dengan sempurna kemuliaannya, dan keenam hendaklah dipancang nafsunya daripada segala perbuatan yang keji, dan ketujuh hendaklah sentiasa pagi dan petang ia hadir dibalai raja, barangsiapa yang tiada, disuruhnya panggil, dan diringankan lidahnya dengan manis mukanya berkata-kata dengan mereka itu dan dipersembhkannya barang sedapat oleh akalunya, jika pada kiranya dimurkai raja sekalipun kerana adat hamba itu sedia menanggung murka dan bunuh tuannya. Maka hamba namanya, itulah perangai yang mulia pada segala raja.”- Manuskrip Qanun Pahang.

Peruntukan ini hakikatnya selari dengan tujuan syara’ dalam konteks nilai dalam memelihara agama serta hal-hal yang berkaitan dengannya.

Nilai keadilan Islam dalam menjatuhkan hukuman terhadap jenayah membunuh

Pemeliharaan tujuan syara’ dalam pemeliharaan jiwa yang terzahir dalam peruntukan ini menunjukkan nilai keadilan Islam dalam memberi hukuman kepada mereka yang telah melampaui batas. Peruntukan ini mengiktiraf kemuliaan insan serta kepentingan untuk memelihara kemuliaan dan jiwa manusia. Oleh yang demikian, seseorang manusia walaupun pada zahirnya memiliki tubuh badan, namun itu semua adalah hak Allah yang perlu dijaga dan sebarang kecederaan yang dibuat terhadap tubuh badan itu memungkinkan seseorang tu dihukum setimpal dengan kesalahannya. Ini tertulis dalam peruntukan Qanun sebagaimana berikut:

“Dan jika seseorang membunuh orang banyak, dibunuh dengan pertama dibunuhnya dan yang mati lainnya itu daripada akan dia dan jika tiada diketahui pertama dibunuhnya dibuang undi antara mereka itu. Dan jika orang banyak membunuh orang seorang dibunuh sekaliannya dan jika membunuh itu dengan menentukan atau mengarahkan dibunuh dengan sepertinya itu juga, jika tiada mati dibunuh dengan senjata sekalipun. Dan jika seseorang memenggal tangan orang lalu mati, maka oleh keluarganya jika ia hendak dibunuhnya atau hendak dipenggal kedua tangannya atau diampuninya dengan *diyat* atau dimaafkannya dapat hukumnya.”

Nilai ihsan dan keadilan hakim dan pemimpin terhadap rakyat dalam keadaan darurat

“Fasal pada menyatakan hukum orang binasa dan orang lapar sebab negeri itu mahal beras padi. Adapun jika bermusuhan atau datang bala Allah atas raja dan menteri maka lapar segala hamba Allah di dalam negeri itu daripada tiada makanan, maka kata segala orang miskin dan orang hina katanya, “Ambillah kamu akan hamba kami berilah olehmu kami makanan”. Jika diberi makan kemudian negeri itu pulih [daripada bala apa] itu, maka oleh yang memberi makanan itu hendak dijualnya maka tiada diberi oleh hakim jualkan kerana ia itu *dharurat* namanya. Harus disuruh hakim beri sekadar harga makanan itulah kepada yang empunya makanan itu.” – Manuskrip Qanun Pahang.

Peruntukan ini menunjukkan nilai dalam memelihara jiwa, tatkala darurat, maka ditukarkan hamba dengan makanan, namun ketika suasana pulih, dibenarkan oleh hakim untuk dibayar harga makanan itu sahaja kepada yang memberi makanan.

Nilai kemuliaan manusia dan pemeliharaan nasab

Pemeliharaan nasab merupakan salah satu tujuan syara' bagi memastikan setiap manusia terpandu dan tidak membuat sesuatu mengikut hawa nafsu. Ini dizahirkan dalam peruntukan seperti berikut:

“Dan had zina, adapun zina itu atas dua perkara; suatu *muhsan* namanya iaitu laki-laki yang sudah beristeri dan perempuan yang sudah bersuami, jika ia berbuat zina maka hukum keduanya direjam dengan batu kedua mereka itu. Kedua zani yang tidak *muhsan* iaitu laki-laki yang belum lagi beristeri dan perempuan yang belum lagi bersuami, jika kedua mereka itu [berbuat zina] diderakan keduanya dengan seratus palu maka buang keluar negeri setahun lamanya, maka jadi atas abdi lima puluh kali palu. Dan hukum liwat dan wati' dengan binatang itu seperti hukum zina jua dan jikalau tiada wati' sehingga berpeluk, bercium jua hukumnya *dita'zirkan*, sekurang-kurangnya had *ta'zir* jangan sampai kepada dua puluh palu.”

Dalam memelihara maruah dan kemuliaan manusia, hukuman berkaitan tentang Qazaf turut diperuntukkan:

“Adapun hukum orang menuduh zina itu pada hukum Qanun didendanya sepuluh tahlil jika yang dituduh itu abdi didendanya dua tahlil sepaha atau setengah harga, jika tiada setengah suatu pun tiada lagi hukumnya atas menuduh itu. Demikian lagi menuduh orang dengan zina setengah harga jua.”

Peruntukan ini tersedia sama ada kepada hamba atau orang merdeka. Ini menunjukkan keadilan dalam sistem yang memelihara hak semua peringkat manusia tidak kira yang merdeka atau hamba.

Prospek penzahiran sistem nilai dalam peruntukan perundangan kini

Sejak berlakunya penjajahan di Tanah Melayu, undang-undang Islam telah mula dipinggirkan sedikit demi sedikit. Nilai-nilai Islam dan ketuhanan jarang sekali dikodifikasikan dalam perundangan, walaupun ada seperti dalam Perlembagaan Persekutuan, peruntukan itu seperti terpisah dari yang lainnya. Malah ada yang ditafsirkan hanya dalam konteks tertentu. Dalam undang-undang lain tidaklah dinyatakan malahan amatlah jarang sekali. Yang ada hanyalah peruntukan-peruntukan yang kaku, walaupun boleh ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran, namun tidak lagi diterapkan dengan nilai yang jelas sebagaimana peruntukan yang pernah wujud dalam manuskrip-manuskrip Qanun. Kecenderungan pendrafan seperti ini adalah pengaruh daripada sistem Barat yang inginkan urusan pentadbiran pemerintah terpisah dari elemen agama. Dalam Manuskrip Qanun, sistem nilai dan asbab itu jelas terzhahir dalam peruntukan. Susunan kata yang dimulai dengan elemen tauhid seperti yang terungkap dalam Manuskrip Qanun Pahang sangatlah indah, kemudian disusuli dengan kesedaran terhadap tanggungjawab dan barulah dinyatakan apakah tugas mereka secara terperinci. Hal ini hakikatnya mampu memberi peringatan terhadap pemimpin mahupun pembesar bahawa tanggungjawab mereka bukanlah hanya kepada rakyat semata-mata, tetapi tanggungjawab sebagai khalifah Allah yang menjaga urusan rakyat, menjaga

tujuan-tujuan syara' (maqasid syari'ah) dan mereka kelak akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah s.w.t.

Apakah mungkin sistem nilai mampu diterapkan dalam perundangan kini seperti yang pernah terzhahir dalam peruntukan manuskrip Qanun tersebut. Usaha perlulah dibuat bagi melihat ruang-ruang tersebut agar kodifikasi undang-undang akan menjadi lebih indah dengan susunan ayat serta peruntukan yang mengaitkan dengan ketuhanan serta tanggungjawab sebagai hamba dan ahli masyarakat yang akan dinilai amalannya di sisi Allah kelak.

Kesimpulan

Peruntukan dalam Manuskrip Qanun Pahang menzhahirkan tentang nilai agama dan budaya yang telahpun terpahat dalam masyarakat suatu masa dahulu. Peruntukan-peruntukan ini ditulis dengan tertib, disulami dengan nasihat dan mampu memberi pengajaran dan peringatan kepada setiap pembesar dan pemerintah yang merujuk kepada Manuskrip Qanun ini dalam sistem pemerintahan. Tulisan sebegitu juga akan memberi kesedaran tentang hak-hak dan amanah yang perlu dipelihara baik oleh seorang pemimpin, pembesar mahupun rakyat. Peruntukan dalam manuskrip Qanun juga menggambarkan bahawa masyarakat Melayu telahpun dipandu oleh satu sistem nilai yang sangat tinggi yang bersumberkan wahyu dan bukan berlandaskan nafsu serta kepentingan pihak tertentu semata-mata.

Rujukan

Abu Hassan b. Mohd. Sham, Undang-undang Melayu Lama. Thesis untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sastra (M.A.) di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1972 (tidak diterbitkan) m.s. 32-37

Ab Halim & Asma Hakimah, Kanun Pahang Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghafar, Mahyuddin Shah (1592-1614) belum terbit.

Liaw Yock Fang (2003) Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan) m.s xvii

Luqmanul Hakim, Internalisasi Nilai-nilai Agama Islam dalam Pembentukan Sikap dan Perilaku Siswa Sekolah Dasar Islam Terpadu Al-Muttaqin Kota TasikMalaya, Jurnal Pendidikan Agama Islam- Ta'lim vol.10 No.1-2012

Yaakub Isa (2003) Hukum Kanun Pahang (Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang)

<http://prpm.dbp.gov.my/> (akses 2hb Ogos 2017)

<http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/value> (akses 2hb Ogos 2017)